

A Isi tempat kosong dengan kata penegas yang sesuai. Menulis: TP2

- 1 Orang itu _____ yang menolong saya tadi. (-lah, -kah)
- 2 Apa-apa _____ yang disuruh pasti tidak ditolaknya. (lagi, sahaja)
- 3 Sesiapa _____ boleh menggunakan pondok bacaan ini pada waktu rehat.
(pun, memang)
- 4 Siapa _____ yang melakukan kerja pembersihan ladang itu? (-tah, -kah)
- 5 Walaupun ditegah, dia tetap _____ pergi ke tempat itu. (juga, sahaja)
- 6 Ada _____ peniaga yang menggunakan sempoa untuk mengira di kampung itu. (pun, lagi)
- 7 Aziz _____ terkenal dengan sikap panas baran itu. (hanya, memang)
- 8 Sepuluh ringgit pun tidak ada, apa _____ lagi seribu ringgit. (-lah, -tah)
- 9 _____ aku membiarkan lilin itu menyala sampai pagi. (Sahaja, Hanya)
- 10 Saya akan membantu _____ jika dia benar-benar memerlukan pertolongan.
(hanya, pun)
- 11 Berdiam diri _____ lebih baik daripada berkata-kata perkara yang tidak berfaedah. (sahaja, lagi)
- 12 Sekaya mana _____ kita, jangan lupa jasa orang tua kita. (lagi, pun)
- 13 Dia bukan sahaja baik budi pekerti, malahan _____ rajin belajar. (juga, pun)
- 14 Usah _____ kamu bersedih atas apa yang telah terjadi itu. (-lah, -kah)
- 15 Ada apa-apa masalah, jangan disimpan begitu _____. (juga, sahaja)